**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 1 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bayaran Elaun Pakaian Panas Bilik Komputer | Pastikan Kenyataan Tuntutan Bayaran pakaian panas bilik komputer dan dokumen sokongan disertakan<br><br>1.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-<br><br>a) tuntutan hendaklah disempurnakan dalam tahun kewangan<br>b) baki peruntukan dalam tahun kewangan dan semasa adalah mencukupi<br><br>2.0 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.<br><br>3.0 Pastikan butir-butir maklumat pegawai adalah lengkap berdasarkan Borang Permohonan Elaun Pakaian Panas seperti berikut :-<br><br>3.1 Nama, no. gaji dan no. kad pengenalan hendaklah dicatitkan.<br><br>3.2 Gred / Kategori / Kumpulan & Jawatan<br><br>3.2.1 Dokumen Sokongan<br>a. Borang permohonan dan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew 8)<br>i Semak dan pastikan Jawatan dan Gred Jawatan yang dicatatkan di Borang Permohonan dan Kew 8 adalah terhad untuk 4 jawatan yang dinyatakan dibawah sahaja:<br>▪ Operator Komputer (Khas Untuk Penyandang)<br>▪ Operator Mesin Prosesan Data<br>▪ Juruteknik Komputer<br>▪ Penolong Pegawai Sistem Maklumat | Surat Kelulusan JPA(S)(BGE)63/38/2 Klt.2(22) Bertarikh 01.12.2005<br>Rujuk Lampiran 1<br><br>Borang EP.JPA 1/97<br>Rujuk Lampiran 2<br><br>Borang EP.JPA 1/97<br>Rujuk Lampiran 2<br><br>Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew 8)<br>Rujuk Lampiran 3 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 2 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bayaran Elaun Pakaian Panas Bilik Komputer | ii Semak dan pastikan kew 8 menyatakan bahawa pegawai bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20º Celcius<br><br><u>Takrif "Gred"</u><br>Gred Gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan.<br><br><u>Takrif "Pegawai".</u><br>Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut<br><br><u>Takrif"Kelayakan"</u><br><br>Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer diberikan kepada Operator Komputer (Khas Untuk Penyandang), Operator Mesin Prosesan Data, Juruteknik Komputer dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20º Celcius; | Surat Kelulusan JPA(S)(BGE)63/38/2 Klt.2(22) Bertarikh 01.12.2005 Rujuk Lampiran 1 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 3 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bayaran Elaun Pakaian Panas Bilik Komputer | 3.3 Pastikan tuntutan disertakan dengan resit asal pembelian baju panas<br><br>3.3.1 Dokumen sokongan<br>a. Resit asal<br>i Semak resit yang dikepilkan bersama borang permohonan adalah untuk tujuan pakaian panas. Satu perakuan hendaklah dibuat iaitu( disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi kerajaan)<br><br>3.4 Tujuan Permohonan hendaklah dinyatakan dengan jelas Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer<br><br>3.5 Pastikan pegawai tidak pernah menerima elaun pakaian panas bagi tempoh tiga tahun sebelumnya berdasarkan akuan penerimaan yang diisi<br><br>3.5.1 Dokumen sokongan<br>a. Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew 8)<br>i Semak maklumat peribadi pegawai yang diisi di kew 8 adalah sama seperti borang permohonan<br><br>ii Semak catatan pengesahan pada Kew 8, tidak pernah menerima elaun pakaian panas bagi tiga tahun sebelumnya<br><br>iii Semak kadar yang dituntut adalah RM150.00 sehelai untuk setiap 3 tahun<br><br>Had tuntutan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer adalah sebanyak RM150.00 sehelai untuk setiap tiga (3) tahun<br><br>Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan | Surat Kelulusan JPA(S)(BGE)63/38/ 2 Klt.2(22) Bertarikh 01.12.2005 Rujuk Lampiran 1<br><br>Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew 8) Rujuk Lampiran 3 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 4 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bayaran Elaun Pakaian Panas Bilik Komputer | 3.6 Pastikan pegawai menandatangani borang permohonan<br>3.6.1 Dokumen sokongan<br>a. Borang Permohonan<br>i Semak dan pastikan pegawai telah menandatangani borang permohonan dan ruangan tarikh telah diisi<br><br>3.7 Pastikan permohonan ini disokong dan ditandatangani oleh pegawai pengawal / oleh pegawai yang diberikuasa.<br><br>3.7.1 Dokumen sokongan<br>a. Borang Permohonan<br>i Semak tandatangan pegawai pengawal pada borang permohonan dan permohonan mestilah disokong oleh pegawai yang diberi kuasa<br><br>4.0 Pastikan kod objek yang digunakan adalah:<br>4.1 15199 :Pelbagai pemberian termasuk elaun perkakas dan elaun pakaian | Borang EP.JPA 1/97<br>Rujuk Lampiran 2<br><br>Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2004 Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan<br>Rujuk lampiran 4 |

EP.JPA. 1/97

## PERMOHONAN ELAUN PAKAIAN PANAS

1. Nama Penuh (Huruf Besar): SITI NURAISHAH BT HASSAN
2. Bahagian/Cawangan : KOMPUTER No. Gaji: [illegible]
3. Jawatan: OPERATOR MESIN PROSESAN DATA No. K/P: [illegible]
4. Gred Jawatan: F11
5. Tujuan Permohonan: ELAUN PAKAIAN PANAS
6. Adakah pernah menerima elaun pakaian, jika ada nyatakan:
   (a) Tarikh akhir menerima elaun pakaian panas/Istihadat: -
   (b) Banyaknya: /

Tarikh 31/05/2007

(Tandatangan Permohon)

---

## SURAT PENGAKUAN

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa saya belum pernah lagi menerima elaun pakaian panas pada tiga tahun yang kebelakangan ini.

Nama : SITI NURAISHAH BT HASSAN

Jawatan : OPERATOR MESIN PROSESAN DATA

Tarikh : 31/05/2007 Tandatangan :

---

**PERMOHONAN TERSEBUT DI ATAS DISOKONG/~~TIDAK DISOKONG~~**

Tarikh: 6/6/9

**(MAT NAZRI BIN HARMINE)**
Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara
Cawangan Pulau Pinang.

LAMPIRAN 2

TARIKH 3/7/07

No.

| Butir-Butir | Kuantiti | Harga | Nilai |
| --- | --- | --- | --- |
| [illegible] | 1 | | 179 [illegible] |
| BLK XL | | | |

Barang yang sudah dijual tidak boleh dikembalikan
Goods sold are unreturnable.

Jumlah 161 91

Terima oleh

Disahkan Oleh

PARKSON GRAND
PRANGIN MALL

PARKSON CORPORATION SDN BHD
www.parkson.com.my
Cashier Name: AZIMAH

0014796 832373 315 01 03/07/07 14:14

23511 PURE - NORMAL
1.00X 179.90 179.90
Disc 10.00% 17.99-
*** BonusLink Member Purchase ***

TOTAL : 161.91
AMOUNT TENDERED 200.00-
CHANGE: 38.09
QTY TAKEN: 1.00

BonusLink No. : 6018 8400 4764 6480
NORMAL POINTS : 80.00
EXTRA POINTS : 81.00
TOTAL POINTS : 161.00

Customer Service Hotline: 1-300-88-0828
THANK YOU FOR YOUR PATRONAGE
Version - 3.59

LAMPIRAN 3

(Kew. 8—Pin. 1/88)

KERAJAAN MALAYSIA

# PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI

| | |
|---|---|
| Akauntan Negara | JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR. |
| Bendahari Negeri | |
| Akauntan Perbendaharaan | JABATAN AKAUNTAN NEGARA CAWANGAN PULAU PINANG. |
| Pembantu Kewangan | |
| Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia | ARAS 6 & 7, BLOK C-2, PARCEL 2, |
| (U. P. Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan) | PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62502 PUTRAJAYA. |

Perubahan berikut telah diluluskan. Sila bayar pegawai yang berkenaan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Nama Pegawai | SITI NURAISHAH BINTI HASSAN |
| Jawatan | OPERATOR MESIN PROSESAN DATA F11 |
| Nombor Gaji Berkomputer | 840125-02-5626 / 11944865 |

| Butir-butir Perubahan | Tarikh | Gaji Bulanan | Catatan | No. Surat Kebenaran |
|---|---|---|---|---|
| Diluluskan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer sebanyak tidak melebihi RM 150.00 kepada Operator Mesin Prosesan Data yang bertugas sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa di selenggarakan di paras suhu kurang dari 20'C. | 6.6.2007 | RM 150.00 | Bayaran Elaun Pakaian Panas : RM 150.00<br>Catatan:<br>Adalah disahkan bahawa bahawa pegawai ini belum pernah diberikan bayaran Elaun Pakaian Panas Bilik Komputer sejak 3 tahun kebelakangan. | JPA.(S)63/38/2 (30) Bertarikh 22.5.1995 |

Tarikh 25/6/07

AINIAH BT. HJ. ALI
PEMBANTU TADBIR (KEW) W22
JAN PULAU PINANG

MAT NAZRI B. HARMINI
PENGARAH CAWANGAN,
JABATAN AKAUNTAN NEGARA
PULAU PINANG

**PANDUAN**

1. Semua perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai hendaklah dinyatakan dalam borang ini. Perubahan-perubahan yang berkaitan adalah seperti berikut:

| *Jawatan* | *Cuti* | *Elaun-elaun* |
|---|---|---|
| Perlantikan baru (jawatan tetap) | Separuh gaji | Semua jenis elaun |
| Pengesahan dalam jawatan | Tanpa gaji | |
| Dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen | Cuti sakit separuh gaji atau tanpa gaji | |
| Memangku | | |
| Naik pangkat | | |
| Melangkah sekatan kecekapan | | |
| Pertukaran | *Bersara* | |
| Pinjaman-pertukaran sementara | | |
| Gantung kerja | | |
| Turun pangkat | | |
| Buang kerja | *Gaji* | |
| Meletak jawatan | | |
| Perlantikan semula | Kenaikan gaji ditahan | |
| Meninggal dunia | Kenaikan gaji ditangguh | |
| Perlantikan sementara/kontrak | Turun gaji | |
| Tamat perkhidmatan sementara/kontrak | | |

2. Satu salinan Penyata ini hendaklah dihantar kepada PUSAT REKOD KAKITANGAN KERAJAAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA dengan mengisi butir-butir berkenaan dalam borang PR. JPA 2 (Pin. 1/88) di sebelah belakang penyata ini. Badan-badan Berkanun/Penguasa Tempatan yang tidak menggunakan Laporan Penyata Perubahan (Kew. 8) untuk membenarkan sebarang pembayaran hanya dikehendaki menghantar satu salinan Laporan Penyata Perubahan PR. JPA 2 (Pin. 1/88) ke Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan dan tidak perlu menghantar kepada Akauntan Negara, Bendahari Negeri, Akauntan Perbendaharaan atau Pembantu Kewangan.

LAMPIRAN 1

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

JPA

Ruj. Kami : JPA(S)(BGE)63/38/2 Klt.2(22)

Tarikh : 1 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**PEMANJANGAN BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER KEPADA JURUTEKNIK KOMPUTER DAN PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT YANG BERTUGAS SECARA SEPENUH MASA DI BILIK KOMPUTER YANG SENTIASA DISELENGGARAKAN DI BAWAH SUHU 20º CELCIUS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Setelah dikaji dengan teliti, Kerajaan telah **bersetuju** supaya Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer yang sedang dinikmati oleh Operator Komputer dan Operator Mesin Prosesan Data **dipanjangkan** kepada Juruteknik Komputer dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20º Celcius.

3. Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer ini boleh dibuat **tertakluk** kepada syarat-syarat dan kadar berikut:

3.1. Syarat-syarat Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer:

i. Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer diberikan kepada Operator Komputer (Khas Untuk Penyandang), Operator Mesin Prosesan Data, Juruteknik Komputer dan Penolong Pegawai

Sistem Maklumat yang bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20° Celcius;

ii. Tuntutan bayaran balik Pakaian Panas Bilik Komputer hendaklah dengan mengemukakan resit;

iii. Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan;

iv. Pegawai Pengawal hendaklah menguruskan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer ini mengikut tatacara kewangan dan prosedur perolehan yang berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

3.2. Kadar Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer:

i. Had tuntutan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer adalah sebanyak **RM150.00 sehelai** untuk setiap tiga (3) tahun.

4. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat-syarat dan kadar Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer di atas dipatuhi. Tarikh kuat kuasa kelulusan pemanjangan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer ini adalah mulai **1 Disember 2005**. Selaras dengan kelulusan ini, diharapkan pegawai yang terlibat akan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(PUAN SRI ZAITON BINTI MHAD ALI)**
Pengarah Bahagian Gaji dan Elaun
b. p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

*03-88854003*
*zaitonm@jpa.gov.my*

s. k. :

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan